

03

BATIK
FUN
IN THE
SUN

04

KEMPEN:
SAYA
SAYANG
PUSTAKA

08

BENGKEL :
HOMEMADE
CHOCOLATE



FOUNTAIN OF KNOWLEDGE

like us on Facebook

follow us on Twitter

Volume 53

• Pustaka Negeri Sarawak • Pustaka Miri • State Record Repository • April - June 2012

ISSN No. 1675-1183



SEMINAR PELABURAN 360 HARI ANJURAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK DENGAN KERJASAMA AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD

oleh : Sharifah Seria Wan Razali (shariswr@sarawak.gov.my)

TAHUKAH ANDA ?

1)

Badan manusia memerlukan zat besi untuk membantu menjalankan beberapa fungsi penting. Zat besi membantu membawa oksigen ke bahagian-bahagian badan dalam bentuk haemoglobin. Jika tidak mencukupi maka akan berlaku kekurangan zat besi dan akan mengalami tanda-tanda seperti lemah dan penat.

Contoh makanan yang kaya dengan zat besi ialah daging, ikan, kacang kuda, tauhu, kacang dan lentil.

2)

Bumi mengalami berjuta-juta ribut kilat setiap tahun. Ia adalah pengeluaran eletrik yang luar biasa daripada udara yang boleh mencecah suhu hingga 54,000 darjah Farenheit (30,000 darjah Selsius) dan pada kelajuan 60,000 m/s (130,000 bpj).



Peserta seminar memberikan perhatian mendengar penerangan dari wakil ASNB.

Wakil dari Pustaka Negeri Sarawak menyerahkan cenderamata sebagai tanda penghargaan kepada pihak ASNB.

Salah seorang peserta mengajukan pertanyaan kepada wakil ASNB

Kaunter khidmat nasihat ASNB dipenuhi oleh para peserta untuk bertanyakan maklumat lebih lanjut.

Kuching... Unit Perkhidmatan Maklumat Niaga dengan kerjasama Amanah Saham Nasional Berhad telah mengadakan Seminar Pelaburan 360 Hari pada 27 Jun 2012 bertempat di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak pada jam 9.00 hingga 11.00 pagi. Sesi seminar ini telah dihadiri oleh 200 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan awam. Penceramah pada sesi seminar tersebut ialah Encik Mohd Asman dan Encik Abdul Thani merupakan wakil dari Pejabat ASNB Kuching. Semasa sesi seminar ini diadakan, pihak ASNB turut membuka kaunter khidmat nasihat dimana peserta secara tidak langsung dapat mengajukan sebarang masalah berkaitan dan mereka berpeluang membuka akaun amanah yang sesuai dengan kelayakan minimum mereka.

Seminar ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perancangan kewangan di kalangan masyarakat disamping memperkenalkan unit amanah ASNB sebagai instrumen pelaburan yang kompetitif bagi merangka pelan perancangan kewangan dan memberi khidmat nasihat berkaitan perancangan kewangan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada para pelabur.

Daripada seminar ini, beberapa orang peserta telah memberi maklum balas yang positif mengenai program dan mereka amat berpuas hati dengan seminar ini kerana daripada seminar ini mereka mendapat pengetahuan mengenai pelaburan mereka di ASNB. Diharap dengan adanya program kewangan seperti ini dapat memberi pengetahuan dan secara tidak langsung memberi kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat awam mengenai kepentingan perancangan kewangan.

STAFF NEWS

Tahniah

NAMA STAF
Aidashermilla Bt Hashim

JAWATAN / SEKTOR
Penolong Pegawai Perpustakaan, S27/
Sektor Perkhidmatan Perpustakaan

NAMA PASANGAN
Azizul Zainie B Norddin.

TARIKH PERKAWINAN
1 Jun 2012

NAMA STAF
Afiza Bt Ibrahim

JAWATAN / SEKTOR
Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha
Pejabat, N27/Sektor Pengurusan Korporat

NAMA PASANGAN
Adam Joe Abdullah @ Douglas Joseph

TARIKH PERKAWINAN
8 Jun 2012

Congratulations on your new born

Nama Staf (Ibu)
Masni Abdullah

Jawatan/Sektor
Pembantu perpustakaan
/ Bahagian Perkhidmatan
Maklumat

Nama Anak
Marissa Zahra
Binti Mohd Mohidi

Tarikh Lahir
25.06.2012



Nama Staf (Ibu)
Nur Alia Qayrina
Sim Abdullah

Jawatan/Sektor
Pembantu Perpustakaan
S17, Unit Perkhidmatan
Maklumat

Nama Anak
Nur Dhamyia
Dhamyirah Binti Ikhwan

Tarikh Lahir
17.05.2012



Nama Staf (Ibu)
Norasfia Bc. Zainal

Jawatan/Sektor
Juruteknik/Sektor
Pengurusan Korporat

Nama Anak
Syafiya Qhaisyara
binti Mohammed
Shahir

Tarikh Lahir
27.06.2012



SENARAI NAMA STAF BARU BAGI BULAN OKTOBER – DISEMBER 2011



Nama
AZRIANA ENNA BINTI BONG @ ZAINAL
Jawatan
Penolong Akauntan Gred W27
Tarikh Melapor Diri
15 Mei 2012
Penempatan
Pustaka Miri



Nama
KIMBERLEY STEFANIE ANAK MARIK
Jawatan
Pembantu Akauntan Gred W17
Tarikh Melapor Diri
15 Jun 2012
Penempatan
Pustaka Miri



Listing of Visits to **PUSTAKA NEGERI SARAWAK**

APRIL 2012

- | TARIKH | PELAWAT / ORGANISASI |
|---------------|-------------------------------------------------------|
| 2 | Lawatan Sekolah Antarabangsa Lodge |
| 4 | Lawatan Segi College |
| 5 -10 | Lawatan Sekolah Rendah Lodge |
| 20 | Lawatan SJK Chung Hua Meludam
Lawatan Tadika Rhema |
| 27 | Lawatan Sekolah Menengah Kepala Batas, Pulau Pinang |

MEI 2012

- | TARIKH | PELAWAT / ORGANISASI |
|---------------|-------------------------------------------------------------------------------|
| 7 | Lawatan pegawai SEDC ke tempat penyimpanan fail rasmi Repositori Rekod Negeri |
| 12 | Lawatan Kelab Pustakawan SMK Gedong |
| 28 | Lawatan ECO Lodge Care Centre |

JUN 2012

- | TARIKH | PELAWAT / ORGANISASI |
|---------------|-------------------------------------|
| 28 | Lawatan Tadika KEMAS Kampung Pinang |

Listing of Visits to **PUSTAKA MIRI**

APRIL 2012

- | TARIKH | PELAWAT / ORGANISASI |
|---------------|------------------------------------------------------------------------------------|
| 7 | Lawatan Universiti Putra Malaysia (UPM) Fakulti Sains Pertanian & Makanan, Bintulu |

MEI 2012

- | TARIKH | PELAWAT / ORGANISASI |
|---------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4 | Lawatan Program Integrasi Komuniti Daerah Papar, Sabah (Jab. Perpaduan Negara & Integrasi Nasional) |



CEO MESSAGE



Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh..

Negeri kita Sarawak berhasrat untuk menjadi negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030. Ini merupakan cita-cita yang amat murni dan memerlukan usaha gigih semua pihak, khususnya masyarakat Sarawak, dalam memastikan kejayaannya. Antara ciri-ciri negara maju dan berpendapatan tinggi seperti yang dapat kita lihat pada masa kini ialah masyarakatnya mengamalkan budaya menjaga kebersihan diri dan persekitaran disamping menghargai kemudahan awam yang disediakan untuk manfaat semua. Persekitaran yang bersih serta kemudahan awam yang baik menjadi ukuran kepada kematangan fikiran masyarakat secara amnya bersesuaian dengan mentaliti kelas pertama.

Membersihkan yang biasa dan membiasakan yang bersih perlulah sentiasa diterapkan dalam semua lapisan masyarakat kita. Bersih yang saya maksudkan di sini meliputi persekitaran fizikal dan termasuk juga tingkah laku serta adap sopan. Bahkan kebersihan yang sebenar turut menyerlah dalam bahasa yang kita gunakan apabila berkomunikasi seharian baik menjadi ukuran kepada kematangan fikiran masyarakat secara amnya bersesuaian dengan mentaliti kelas pertama.

Pada bulan Mei yang lalu, Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan kempen kebersihan yang bertemakan "Saya Sayang Pustaka". Kempen ini merupakan salah satu usaha untuk menjadikan Pustaka Negeri Sarawak sebagai kawasan yang bersih, indah dan selamat kepada orang awam dan pengunjung. Kempen ini diharap akan dapat memberikan kesedaran kepada orang awam agar tidak sewenang-wenangnya membuang sampah merata-rata di persekitaran Pustaka Negeri Sarawak sekaligus menanam sikap "Saya Sayang Pustaka" di kalangan orang awam dan juga warga Pustaka Negeri Sarawak.

Penggantungan poster dan banting kempen kebersihan di pokok-pokok di sekitar taman dan bangunan Pustaka Negeri Sarawak serta gotong royong yang dilakukan oleh staf Pustaka Negeri Sarawak secara tidak langsung diharap akan dapat memupuk semangat kerjasama dan saling membantu sesama mereka. Kempen ini akan dijadikan sebagai salah satu program berterusan dengan melibatkan penyertaan pelajar sekolah dan orang awam pada masa yang akan datang

Saya berharap kempen ini akan berjaya mencapai matlamatnya untuk memupuk kesedaran tentang nilai kebersihan dan keperluan mewujudkan satu suasana yang bersih di kawasan Pustaka serta memupuk perasaan tanggungjawab kolektif masyarakat awam bagi mencapai hasrat murni ini. Amalan yang murni seperti ini akan melonjakkan kemajuan negeri Sarawak menuju negeri maju dan berpendapatan tinggi.

Apabila Pustaka Negeri menjadi lebih indah dan bersih, maka lebih ramai orang yang akan datang menggunakan kemudahan yang disediakan. Mereka yang membaca buku-buku di sini akan bertambah kebijaksanaannya dan beriadah di sekitar tamannya akan bertambah sihat tubuh badannya.

Sungguh benar bahawa amalan murni akan dapat menjana lebih banyak kebaikan kepada mereka yang mengamalkannya.

Terima kasih.

Japri Bujang Masli
Pemangku Ketua Pengawai
Eksekutif

EDITORIAL COMMITTEE

ADVISOR

Japri Bujang Masli

EDITOR-IN-CHIEF

Nesly Rebid

COMMITTEE MEMBERS

Laurena Aloh

Edison Ricket

Bronny Lawrence Nawe

Sofina Tan Sofian Tan

Alya Faeeqah Hj Hamali

Norzihan Abdullah

Mohd. Nizam Abang Takip

This Newsletter is published quarterly by



Pustaka Negeri Sarawak

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
93050 Kuching, Sarawak
Malaysia

Tel : 6 082 442000

Fax : 6 082 449944

Contact : librarian@sarawak.gov.my

copyright©2011, Pustaka Negeri Sarawak



www.pustaka-sarawak.com

PUSTAKA MIRI COMMEMORATED MIRI MAY FEST 2012 WITH 'BATIK FUN IN THE SUN'

by: Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

THE BEST OF THE BEST

Team Kucar Kacir won the Best Batik Team title.



MIRI... Apart from organizing activities that promote lifelong learning and knowledge sharing, Pustaka Miri also constantly organizes social or community and recreational programs.

In conjunction with Miri May Fest 2012, Pustaka Miri's Sports and Recreation Club (Kelab Sukan dan Rekreasi – KSR) with the support from Miri City Council organized a recreational activity – 'Batik Fun In The Sun' on Saturday, 12th May 2012. It was held at the Open Amphitheatre of Miri City Fan from 7:30am onwards.

The event was also to commemorate Pustaka Miri's 10th Year Anniversary celebration. The main objective of the event was to instill love for the beautiful batik which is synonymous with Malaysia and the South East Asian region as well as promoting healthy lifestyle by taking part in mass exercise.

Miri City Mayor Lawrence Lai Yew Son graced the opening of the event, which started with a mass aerobics session.

The 'Batik Fun In The Sun' competition was opened to groups of ten (10) to 20 persons in a team and they were judged for their creativity, sportsmanship and teamwork while performing in colorful attires made from traditional batik or batik sarong.



Each team was given five (5) minutes to present a performance in the form of musical drama, dance routine, exercise or aerobics or any form of entertaining performance.

Team Kucar Kacir (a combination of NGOs' members) won Best Batik Team (Pasukan Batik Terbaik) while Most Creative Batik Team (Pasukan Batik Paling Kreatif) was won by Team Tunas Bakti and SMK St. Columba's Team Kumang Moden took home the title of Most Sporting Team (Pasukan Batik Paling 'Sporting').

Ramsiah Haji Sahari of Team Kucar Kacir was announced the Cutest Batik Individual (Individu Batik Paling Comel) and Smartest-Looking Batik Individual (Individu Batik Paling Segak) went to Pustaka Blaze's Zaidi Mohd. Nor.

Also present during the event were Pustaka Miri's Regional Manager Salina Haji Zawawi and Pustaka Miri's KSR President Sofina Tan.

Lucky Draw:
YOUNG LUCKY ONE...Sofina (right) presenting a lucky draw prize to one of the participants.



Cutest:
CONGRATULATIONS... Pn. Ramsiah (right) receiving the prize for being the Cutest Batik Individual from Salina.



Smartest-Looking:
ALL SMILE...Salina (right) handing over the Smartest-Looking Batik Individual prize to Zaidi.



Kempen Kebersihan : **SAYA SAYANG PUSTAKA** (PERSEKITARAN BERSIH, MINDA CERDAS)

oleh: Alya Faeeqah Hamali (alyafh@sarawak.gov.my)

Kuching... Pada 16 Mei 2012 yang lalu, Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Kempen Kebersihan : Saya Sayang Pustaka. Program kempen kebersihan yang telah dirasmikan oleh Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak ini merupakan salah satu inisiatif daripada Komiti 5S Pustaka Negeri Sarawak bagi mewujudkan amalan persekitaran berkualiti (5S) dalam usaha menjadikan Pustaka Negeri Sarawak sebagai kawasan yang bersih, indah dan selamat kepada orang awam dan pengunjung.

Kempen ini diharap dapat memberi kesedaran kepada orang awam agar tidak membuang sampah merata-rata di persekitaran Pustaka Negeri Sarawak sekaligus menanam sikap "Saya Sayang Pustaka" di kalangan orang awam dan warga Pustaka Negeri Sarawak.

Salah satu pengisian program untuk kempen kebersihan ini adalah aktiviti menggantung poster dan banting kempen kebersihan di pokok-pokok di sekitar taman dan bangunan Pustaka Negeri Sarawak serta gotong royong di kalangan staf Pustaka Negeri Sarawak.

Dengan adanya aktiviti sebegini diharap dapat memupuk semangat kerjasama dan saling membantu sesama warga Pustaka Negeri Sarawak. Kempen ini akan dijadikan sebagai salah satu program berterusan di mana ianya akan melibatkan penyertaan pelajar sekolah dan orang awam pada masa akan datang.



Poster kempen kebersihan.. Staf Pustaka Negeri Sarawak sedang menggantung poster kempen kebersihan di pokok-pokok di sekitar taman.



Kami Sayang Pustaka..Staf Pustaka Negeri Sarawak bersedia dan bersemangat untuk menggantung poster kempen kebersihan di pokok-pokok di sekitar taman Pustaka.

Hari Bersama Pelanggan Pustaka Negeri Sarawak di Giant Hypermarket Kuching.

oleh: Alya Faeeqah Hamali (alyafh@sarawak.gov.my)

Kuching... Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan pada 26 - 27 Mei 2012 bermula pada pukul 10:00 pagi- 5.00 petang di Giant Hypermarket, Tabuan Jaya.

Antara program yang diadakan sempena Hari Bersama Pelanggan Pustaka ini ialah kempen keahlian percuma Pustaka, kempen kesedaran bahan-bahan terbitan dan promosi pangkalan data atas talian.

Seramai 177 orang telah mendaftar dan memperbaharui keahlian mereka di kaunter perkhidmatan Pustaka di Giant Hypermarket. Pengunjung yang telah mendaftar dan memperbaharui keahlian mereka semasa dua hari Hari Bersama Pelanggan ini diadakan telah berpeluang menerima cenderamata eksklusif dari Pustaka Negeri Sarawak dan juga baucer dari Giant Hypermarket.



Program Hari Bersama Pelanggan ini diharap dapat mempromosikan perkhidmatan dan aktiviti ilmiah yang ditawarkan oleh Pustaka Negeri Sarawak, kepada orang awam dan seluruh masyarakat setempat.



SMK SUBIS A EMERGED AS CHAMPION OF 1BELIA 1MALAYSIA NETBALL TOURNAMENT

by : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI ...Team SMK Subis A emerged champion during the 1Belia 1Malaysia Netball Tournament 2012 held on 19th May 2012.

The competition was organized by Pustaka Miri's Sports and Recreation Club (Kelab Sukan dan Rekreasi – KSR) in collaboration with Rukun Tetangga Piasau Jaya Phase II Committee (Jawatankuasa Rukun Tetangga Kawasan Piasau Jaya Fasa II) under the Department of Youth and Sports Miri Division.

Team SMK Subis A won the tournament after beating seven (7) other teams from around Miri City. They took home cash prize RM300.00, a trophy and medals.

First runner-up position went to Team SMK Subis B while SMK St. Columba's Strivers came in third. They respectively received cash prize RM200.00 and RM100.00 together with trophy and medals.

According to the tournament coordinator Suzanna Abdullah, it was the first time ever for KSR Pustaka Miri to organize a netball tournament and hoped it will be the start of more similar sport events being organized by the club with the support from other organizations.

The whole-day event was graced with the visit by Dato' Sebastian Ting Chiew Yew – Political Secretary to Minister of Energy, Green Technology and Water. He was accompanied by RT Piasau Jaya Phase II's chairman Samion Gani and Pustaka Miri's KSR President Sofina Tan.

Present to give away the prizes was Pustaka Miri's Regional Manager Salina Haji Zawawi.




IN ACTION...Pustaka Senior Blaze (in yellow) going against Kastam Miri.



SHOOT FOR THE GOAL... Dato' Ting (in white) officiating the tournament by symbolically throwing the ball into the hoop.

SILANG KATA



Melintang

- 1 Voltan
- 2 Burung Australia yang besar
- 3 Lebih kurus daripada biasa
- 4 Memanggil gadis
- 5 Terlatih mengerjakan sesuatu
- 6 Alat menangkap ikan
- 7 Tanah subur dan berair di padang pasir

Kebawah

- 1 Tempat gubahan bunga
- 5 Memorandum
- 6 Pergi
- 7 Baju yang sudah usang
- 8 Cantik
- 9 Kopian Turki
- 10 Parit



TAHUKAH ANDA ?

Kucing boleh menjadi pemburu maut dan sangat suka menyelinap, apabila ia berjalan tapak kaki belakangnya hampir memijak tepat pada bekas tapak kaki hadapan sebelumnya, ini akan mengurangkan bunyi ke tahap minimum dan menghasilkan kesan yang boleh dilihat.

PROGRAM JELAJAH U-Pustaka



Kuching... Program Jelajah u-Pustaka yang bertujuan untuk menyebarkan dan memberi kesedaran kepada masyarakat umum mengenai perkhidmatan u-Pustaka yang disediakan kepada orang awam pada kali ini telah diadakan dengan kerjasama DANAWA Resources di Institut Kemahiran Sarawak, Tanjung Manis; Perpustakaan Awam Majlis Daerah Matu-Daro dan Perpustakaan Awam Majlis Daerah Sarikei pada 25 & 26 April 2012. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program ini berlangsung adalah sesi taklimat dan promosi keahlian u-Pustaka, sesi pembelajaran ICT, sesi Born to Read dan sesi literasi maklumat untuk 175 orang peserta yang mengikuti program ini.

oleh : Sharifah Seria Wan Razali (shariswr@sarawak.gov.my)

PROGRAM "MOVIE NIGHT UNDER THE STARS" GENG PENGEMBARAAN BERMULA

oleh : Norlailawaty Ismail (norlaili2@sarawak.gov.my)

Kuching... Pada 26 Mei 2012 yang lepas, Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah menganjurkan program Movie Night Under the Stars di Dataran Pustaka. Penganjuran program ini diharap dapat mempromosikan Pustaka sebagai pusat gedung ilmu dan pusat riadah masyarakat di samping memberikan gambaran yang lebih meluas tentang peranan dan fungsi perpustakaan kepada masyarakat.

Filem "Geng Pengembaraan Bermula: Upin dan Ipin" telah menjadi pilihan untuk sesi tayangan pada kali ini. Dianggarkan seramai 600 penonton yang hadir pada malam tersebut. Sesi santai yang berlangsung selama hampir tiga jam ini dimeriahkan lagi dengan sesi cabutan bertuah. Sebanyak 20 buah hadiah bertuah telah disediakan untuk penonton bertuah pada malam tersebut. Program ini diadakan sebanyak dua kali setahun dan ianya merupakan acara tahunan Pustaka Negeri Sarawak.



MERIAH...Sesi pendaftaran cabutan bertuah.



KHUSYUK...Para penonton khusyuk menghayati tayangan.



TUAH...Antara pemenang hadiah cabutan bertuah.



MEMORI...Ahli jawatankuasa program bergambar kenangan bersama.



ENJOYABLE EDUCATIONAL FUN AT KNOWLEDGE CAMP 2012

by : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI ... All thirty (30) students had the time of their lives learning and having educational fun when they participated in Pustaka Miri's Knowledge Camp 2012 held on 22 – 23 June 2011.

The Form 4 and Lower 6 students from schools in and around Miri City stayed for two (2) days at the library for the event which was filled with exciting and educational activities.

The teams were 'Nyitt Nyitt', 'Gitar', 'Tambourine Ring', 'Blue Tree' and 'Sang Kejora'. They were all announced champions as there was no second place when it comes to the quest for knowledge.

Knowledge Camp is one of the annual events organized by Pustaka Miri to promote knowledge acculturation particularly amongst youths. This year marked the tenth Knowledge Camp successfully held.

Mohd. Al-Hakim Rakawi from SMK Agama Miri and Sharon Berinjan Jemat from SM Vokasional Miri, were selected as Knowledge Camp 2012 Best Male and Female Camper respectively.

Guided by facilitators and mentors, the participants this year took part in activities such as information literacy skills session, teamwork building, public speaking, group aerobics, motivational sessions, 'Info Race' and staging group performances among others.

Apart from that, organizing committee member Ramaliza Rakawi was announced Best Camp Buddy for her dedication and effort in guiding the participants throughout the program.

They were divided into groups and competed healthily to become the best of the best while being guided by their mentors. The participants were also assessed individually in terms of leadership, talent, positive attitude, confidence and other attributes.

The participants received their certificates and prizes from Pustaka Miri's Regional Manager Salina Haji Zawawi and witnessed by Knowledge Camp 2012's coordinator Ahmad Samsudin during a simple closing ceremony at the end of the program.

Those who are interested to participate can look forward to next year's Knowledge Camp!



60 Orang Peserta mengikuti Bengkel

“Homemade Chocolate”



oleh : Sharifah Seria Wan Razali (shariswr@sarawak.gov.my)

Kuching... Unit Perkhidmatan Maklumat Niaga, Sektor Perkhidmatan Perpustakaan telah mengadakan bengkel keusahawanan iaitu Bengkel “Homemade Chocolate” pada 16 Jun 2012. Bengkel ini dihadiri oleh 60 orang peserta yang dibahagikan kepada 2 sesi iaitu sesi pertama pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan sesi kedua pada jam 2.00 hingga 5.00 petang. Fasilitator bagi bengkel ini adalah Puan Sharifah Nur Diana Wan Mustapha merupakan seorang usahawan muda dalam bidang pembuatan coklat dan juga merupakan pemilik Chubblechox.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada para peserta mengenai pembuatan coklat di rumah. Selain itu, para peserta dapat mempelajari teknik pembuatan coklat dengan mudah di rumah dengan menggunakan peralatan dan bahan yang mudah didapati. Diharap dengan adanya bengkel sebegini, para peserta dapat menghasilkan produk sendiri dengan menggunakan coklat dan menambah hasil pendapatan.



Menarik .. Antara coklat yang dihasilkan oleh peserta, menarik dan berwarna-warni



Terima Kasih .. Puan Sharifah Nur Diana Wan Mustapha, pemilik Chubblechox menerima cenderamata dari Urusefia.

PAMERAN INTEGRASI BORNEO II: FUSION OF BORNEO ART

oleh : Izaruddin Moss (izaruddin@sarawak.gov.my)

Kuching... Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Pameran Integrasi Borneo II: Fusion of Borneo Art bermula pada 9 hingga 13 April 2012 bertempat di Ruang Legar Aras 1, Pustaka Negeri Sarawak. Pelbagai hasil karya seni dalam media 2D & 3D yang dihasilkan oleh mahasiswa dan mahasiswi Tahun 2 Program Teknologi Seni Visual, Sekolah Pengajian Seni, UMS serta koleksi-koleksi Sarawakiana yang terdapat di Pustaka Negeri Sarawak telah dipamerkan. Seramai 65 orang mahasiswa/i serta beberapa orang Pensyarah dari Fakulti Pengajian Seni UMS telah terlibat dalam penganjuran pameran tersebut.

Majlis pelancaran pameran tersebut telah disempurnakan oleh Encik Paidi Amat Mokito, Akauntan Pustaka Negeri Sarawak yang mewakili Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Japri Bujang Masli. Bersempena dengan pameran tersebut juga, beberapa tajuk ceramah seperti Konsep dan Ruang Rumah (Perahu) Tradisi Suku Kaum Bajau Laut, Makanan Tradisi Masyarakat Bajau Suluk dan lain-lain telah dibentangkan oleh Pensyarah dari Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak dan wakil dari Majlis Adat Istiadat Sarawak pada 10 April 2012 bermula pada jam 8.00 pagi sejeurus selepas majlis perasmian bertempat Auditorium Pustaka Negeri Sarawak.

Objektif program ini diadakan adalah untuk menggalakkan penglibatan mahasiswa/i dalam kegiatan bakti siswa untuk mencapai matlamat dalam dalam bidang kepimpinan, kemasyarakatan dan perkembangan sahsiah. Selain itu, pameran ini dapat memberikan informasi serta kesedaran khususnya kepada mahasiswa/i dan masyarakat umumnya tentang hasil sejarah asal usul, hasil pribumi, kepelbagaian kaum, sumber asli dan warisan kesenian pribumi Borneo di samping dapat meningkatkan integrasi nasional dan kerjasama antara mahasiswa/i dengan pelbagai kaum, budaya, agama dan masyarakat terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Para mahasiswa/i dan Pensyarah UMS juga telah mengadakan Program Bakti Siswa pada 11 April 2012 di Sekolah Seni Kuching sebagai salah satu pengisian program.





oleh : Norlailawaty Ismail (norlaili2@sarawak.gov.my)

PERTANDINGAN MEMBACA KANAK - KANAK TADIKA 2012 (KATEGORI BAHASA MELAYU)

Kuching ... Pertandingan Membaca Kanak – kanak Tadika 2012 (Kategori Bahasa Melayu) telah diadakan pada 20 Jun 2012 di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. Pertandingan ini di harap dapat menyemai dan menerapkan budaya membaca dan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan kanak – kanak sejak dari kecil lagi.

Pertandingan yang berlangsung selama hampir empat jam ini telah disertai oleh 37 orang peserta yang mewakili tadika masing – masing. Pertandingan ini terbuka kepada semua kanak – kanak tadika di kawasan Bandaraya Kuching dan Samarahan yang berumur empat hingga enam tahun. Para peserta dinilai dari segi sebutan, intonasi dan kelancaran pembacaan mereka.

Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan ini telah disempurnakan oleh Puan Hayati Haji Sabil, Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan, Pustaka Negeri Sarawak. Pertandingan ini telah dimenangi oleh adik Alya Batrisyia binti Rahmatullah dari Smart Reader Kids Lee Ling, manakala tempat kedua pula dimenangi oleh adik Estelle Willie dari Smart Reader Kids Jalan Keretapi dan tempat ketiga jatuh kepada adik Aviena Nyain Jinap dari Smart Reader Kids Tabuan Jaya Baru 2.



*DIMENSI... Si Cilik
mempersembahkan kebolehan
membacanya.*

TAHUKAH ANDA ?

Nyamuk merupakan serangga yang menyakitkan tetapi adakah anda tahu yang hanya nyamuk betina menggigit manusia.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK SERTA PAMERAN HARI HARTA INTELEK NEGARA 2012

oleh : Alya Faeeqah Hamali (alyafh@sarawak.gov.my)



Berminat.. para pelajar berminat untuk mengetahui perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pustaka Negeri Sarawak



Pustaka Rakan Ilmu Anda... pengunjung yang datang sempat merakamkan gambar kenangan semasa melawat tapak pameran Pustaka Negeri Sarawak

Pada 27-28 April 2012 yang lalu, Pustaka Negeri Sarawak telah menyertai Pameran Hari Harta Intelek Negara 2012 bertempat di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre (SASICC) Kuantan, Pahang. Sambutan Hari Harta Intelek Negara 2012 ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang diringi oleh Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan.

Objektif sambutan Hari Harta Intelek Negara diadakan adalah untuk memberi pengiktirafan kepada perekaipata dan pencipta intelek untuk meningkatkan kadar kesedaran dan penghayatan orang ramai terhadap kepentingan harta intelek.

Tapak pameran Pustaka Negeri Sarawak telah dikunjungi oleh lebih dari 200 orang pengunjung yang berminat dengan koleksi terbaru Siri Sarawakiana. Tidak ketinggalan, terdapat juga pengunjung yang datang berminat untuk mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pustaka Negeri Sarawak.

Beberapa agensi kerajaan negeri Sarawak yang lain turut terlibat dalam pameran ini seperti Jabatan Pertanian Sarawak, Pusat Biodiversiti Sarawak, Unit Harta Intelek, Jabatan Ketua Menteri dan Lembaga Perikanan Sarawak.